

Headline	Usah cemar nama baik negara		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	13	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	281 cm <sup>2</sup>
Journalist	Nadzarul Amir Zainal Azam	AdValue	RM 2,443
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,329



## Jemaah haji Malaysia diminta tidak terpengaruh dengan pergolakan di Timur Tengah

# Usah cemar nama baik negara

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM

**KUALA TERENGGANU** - Para jemaah haji dinasihatkan agar menjaga nama baik negara dan tidak terpengaruh dengan pergolakan yang sedang berlaku di negara-negara Timur Tengah.

Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin bertitah, jemaah digesa supaya jangan mudah terikut-ikut dengan senario di negara berkenaan sehingga boleh memberi imej buruk kepada negara.

Baginda bertitah, tindakan seumpama itu bukan sahaja boleh menjiskan nama baik Malaysia malah memberi impak negatif kepada hubungan baik antara kerajaan negara ini dengan Arab Saudi.

"Beta ingin menasihati bakal-bakal jemaah haji agar menjaga nama baik Malaysia, beta tidak mahu jemaah negara ini terpengaruh dan terikut-ikut dengan pergolakan yang sedang berlaku di negara Timur Tengah.

"Ikutilah segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi supaya segala urusan dapat dipermudahkan dan berjalan lancar," titah baginda.

Baginda bertitah sewaktu menyempur-

nakan majlis pelepasan jemaah haji ke Mekah di Kompleks Haji dan TH Hotel semalam.

Keberangkatan baginda diiringi Sultanah Terengganu, Sultanah Nur Zahirah.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said; isterinya, Toh Puan Seri Norliza Mahmud dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Mazlan Ngah.

Dalam pada itu, baginda turut teruja dengan komitmen Tabung Haji yang menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan terbaik di Kompleks Haji di sini yang berperanan sebagai pusat sehenti bagi memastikan kelancaran dan keselesaan para jemaah haji.

Pada majlis itu, seramai 279 jemaah berangkat mengerjakan ibadat haji dengan menaiki penerbangan kedua secara terus dari Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini ke Jeddah, Arab Saudi selepas penerbangan yang pertama pada 17 September lalu.

Seramai 1,630 jemaah haji dari Terengganu mengerjakan ibadat haji di Mekah tahun ini dan merupakan tahun keenam penerbangan terus dari negeri ini ke Jeddah.



SULTAN MIZAN (tengah) bersalaman dengan jemaah haji yang berlepas ke Mekah di Kuala Terengganu semalam.